



Good Food, Good Life

## PERADUAN NESTLÉ TADAU KAAMATAN 2021

### TERMA DAN SYARAT

#### A: Jadual Syarat Penyertaan

<b>Penganjur</b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966)																																																																																													
<b>Peraduan</b>	<b>PERADUAN NESTLÉ TADAU KAAMATAN 2021</b>																																																																																													
<b>Tempoh Peraduan</b>	Peraduan ini bermula pada 00:00:00 pada 3 <sup>hb</sup> Mei 2021 dan ditutup pada 23:59:59 pada 28 <sup>hb</sup> Jun 2021.																																																																																													
<b>Kelayakan</b>	Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah di Malaysia/Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan.																																																																																													
<b>Kaedah Penyertaan</b>	<p><b>Penyertaan Melalui WhatsApp</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyertai Peraduan ini, beli mana-mana produk NESTLÉ Sedia Untuk Diminum (Tin / Botol /Cawan) yang mengambil bahagian seperti yang disenaraikan dalam perenggan 6 di bawah bernilai minimum Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) ("<b>Nilai Minimum</b>") dalam satu resit ("<b>Bukti Pembelian</b>") yang dikeluarkan oleh mana-mana kedai yang mengambil bahagian di negeri Sabah.</li> <li>Tulis nama penuh anda (mengikut MyKad), nombor MyKad dan alamat e-mel (jika ada ) di bahagian depan Bukti Pembelian asal ("<b>Bukti Pembelian</b>"); Contoh: Bujang Bin Along , 570831-08-5673, <a href="mailto:BBAlong@gmail.com">BBAlong@gmail.com</a> ("<b>Penyertaan</b> ").</li> <li>Hantar gambar yang jelas Bukti Pembelian melalui aplikasi WhatsApp ke <b>018-213 3411</b> . Setiap Penyertaan, setelah disahkan oleh pihak Penganjur, akan diberikan nombor siri yang berturutan. Semua pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi melalui WhatsApp yang bernombor 018-213 3411 untuk menjawab satu Soalan Peraduan yang mudah. Sila rujuk ke Perincian Pengadilkan untuk maklumat lanjut.</li> <li>Penyertaan tanpa alamat e-mel masih diterima.</li> <li>Pihak Penganjur tidak akan menghantar laporan penerimaan bagi setiap Penyertaan yang diterima.</li> <li>Senarai Produk yang mengambil bahagian :</li> </ol> <table border="1"> <thead> <tr> <th>NO</th> <th>PRODUCT</th> <th>NO</th> <th>PRODUCT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>MILO<sup>®</sup> UHT 125ML</td><td>23</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> MOCHA TIN 240ML</td></tr> <tr><td>2</td><td>MILO<sup>®</sup> UHT 200ML</td><td>24</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> KOPI O TIN 240ML</td></tr> <tr><td>3</td><td>MILO<sup>®</sup> UHT 12x200ML</td><td>25</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> KOPI C TIN 240ML</td></tr> <tr><td>4</td><td>MILO<sup>®</sup> UHT 1L</td><td>26</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> CHAM TIN 240ML</td></tr> <tr><td>5</td><td>MILO<sup>®</sup> NUTRI PLUZ UHT 200ML</td><td>27</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> SMOOV<sup>®</sup>LATTE<sup>®</sup> 225ML</td></tr> <tr><td>6</td><td>MILO<sup>®</sup> ORIGINAL TIN 240ML</td><td>28</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> SMOOV<sup>®</sup>LATTE<sup>®</sup> CARAMEL 225ML</td></tr> <tr><td>7</td><td>MILO<sup>®</sup> MOCHA TIN 240ML</td><td>29</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> COLD BREW LATTE TIN 240ML</td></tr> <tr><td>8</td><td>MILO<sup>®</sup> ICE TIN 240ML</td><td>30</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> COLD BREW HAZELNUT TIN 240ML</td></tr> <tr><td>9</td><td>MILO<sup>®</sup> KAW TIN 240ML</td><td>31</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> LATTE INTENSO TIN 240ML</td></tr> <tr><td>10</td><td>MILO<sup>®</sup> ORIGINAL PET 225ML</td><td>32</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> MOCHA ORANGE TIN 240ML</td></tr> <tr><td>11</td><td>MILO<sup>®</sup> PROTEIN UP 225ML</td><td>33</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> MOCHA HAZELNUT TIN 240ML</td></tr> <tr><td>12</td><td>MILO<sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND PET 225ML</td><td>34</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> SMOOTH CAPPUCCINO CUP 250ML</td></tr> <tr><td>13</td><td>MILO<sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND UHT 1L</td><td>35</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> CARAMEL MACCHIATO CUP 250ML</td></tr> <tr><td>14</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> DAIRY FREE OAT LATTE PET 225ml</td><td>36</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> ICED CAPPUCCINO 500ML</td></tr> <tr><td>15</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND LATTE PET 225ml</td><td>37</td><td>NESTLÉ OMEGA PLUS 200ML</td></tr> <tr><td>16</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> AIS TIN 300ML</td><td>38</td><td>NESTLÉ OMEGA PLUS DARK CHOCOLATE 200ML</td></tr> <tr><td>17</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> IPOH WHITE COFFEE TIN 240ML</td><td>39</td><td>NESTLÉ JUST MILK FULL CREAM MILK 200ML</td></tr> <tr><td>18</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> ORIGINAL TIN 240ML</td><td>40</td><td>NESTLÉ JUST MILK FULL CREAM MILK 1L</td></tr> <tr><td>19</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> TARIK TIN 240ML</td><td>41</td><td>NESTLÉ JUST MILK LOW FAT MILK 1L</td></tr> <tr><td>20</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> TARIK KAW TIN 240ML</td><td>42</td><td>NESTLÉ JUST MILK STRAWBERRY FLAVOURED MILK 200ML</td></tr> <tr><td>21</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> TARIK KURANG MANIS TIN 240ML</td><td>43</td><td>NESTLÉ JUST MILK STRAWBERRY FLAVOURED MILK 1L</td></tr> <tr><td>22</td><td>NESCAFÉ<sup>®</sup> LATTE TIN 240ML</td><td></td><td></td></tr> </tbody> </table>		NO	PRODUCT	NO	PRODUCT	1	MILO <sup>®</sup> UHT 125ML	23	NESCAFÉ <sup>®</sup> MOCHA TIN 240ML	2	MILO <sup>®</sup> UHT 200ML	24	NESCAFÉ <sup>®</sup> KOPI O TIN 240ML	3	MILO <sup>®</sup> UHT 12x200ML	25	NESCAFÉ <sup>®</sup> KOPI C TIN 240ML	4	MILO <sup>®</sup> UHT 1L	26	NESCAFÉ <sup>®</sup> CHAM TIN 240ML	5	MILO <sup>®</sup> NUTRI PLUZ UHT 200ML	27	NESCAFÉ <sup>®</sup> SMOOV <sup>®</sup> LATTE <sup>®</sup> 225ML	6	MILO <sup>®</sup> ORIGINAL TIN 240ML	28	NESCAFÉ <sup>®</sup> SMOOV <sup>®</sup> LATTE <sup>®</sup> CARAMEL 225ML	7	MILO <sup>®</sup> MOCHA TIN 240ML	29	NESCAFÉ <sup>®</sup> COLD BREW LATTE TIN 240ML	8	MILO <sup>®</sup> ICE TIN 240ML	30	NESCAFÉ <sup>®</sup> COLD BREW HAZELNUT TIN 240ML	9	MILO <sup>®</sup> KAW TIN 240ML	31	NESCAFÉ <sup>®</sup> LATTE INTENSO TIN 240ML	10	MILO <sup>®</sup> ORIGINAL PET 225ML	32	NESCAFÉ <sup>®</sup> MOCHA ORANGE TIN 240ML	11	MILO <sup>®</sup> PROTEIN UP 225ML	33	NESCAFÉ <sup>®</sup> MOCHA HAZELNUT TIN 240ML	12	MILO <sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND PET 225ML	34	NESCAFÉ <sup>®</sup> SMOOTH CAPPUCCINO CUP 250ML	13	MILO <sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND UHT 1L	35	NESCAFÉ <sup>®</sup> CARAMEL MACCHIATO CUP 250ML	14	NESCAFÉ <sup>®</sup> DAIRY FREE OAT LATTE PET 225ml	36	NESCAFÉ <sup>®</sup> ICED CAPPUCCINO 500ML	15	NESCAFÉ <sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND LATTE PET 225ml	37	NESTLÉ OMEGA PLUS 200ML	16	NESCAFÉ <sup>®</sup> AIS TIN 300ML	38	NESTLÉ OMEGA PLUS DARK CHOCOLATE 200ML	17	NESCAFÉ <sup>®</sup> IPOH WHITE COFFEE TIN 240ML	39	NESTLÉ JUST MILK FULL CREAM MILK 200ML	18	NESCAFÉ <sup>®</sup> ORIGINAL TIN 240ML	40	NESTLÉ JUST MILK FULL CREAM MILK 1L	19	NESCAFÉ <sup>®</sup> TARIK TIN 240ML	41	NESTLÉ JUST MILK LOW FAT MILK 1L	20	NESCAFÉ <sup>®</sup> TARIK KAW TIN 240ML	42	NESTLÉ JUST MILK STRAWBERRY FLAVOURED MILK 200ML	21	NESCAFÉ <sup>®</sup> TARIK KURANG MANIS TIN 240ML	43	NESTLÉ JUST MILK STRAWBERRY FLAVOURED MILK 1L	22	NESCAFÉ <sup>®</sup> LATTE TIN 240ML		
NO	PRODUCT	NO	PRODUCT																																																																																											
1	MILO <sup>®</sup> UHT 125ML	23	NESCAFÉ <sup>®</sup> MOCHA TIN 240ML																																																																																											
2	MILO <sup>®</sup> UHT 200ML	24	NESCAFÉ <sup>®</sup> KOPI O TIN 240ML																																																																																											
3	MILO <sup>®</sup> UHT 12x200ML	25	NESCAFÉ <sup>®</sup> KOPI C TIN 240ML																																																																																											
4	MILO <sup>®</sup> UHT 1L	26	NESCAFÉ <sup>®</sup> CHAM TIN 240ML																																																																																											
5	MILO <sup>®</sup> NUTRI PLUZ UHT 200ML	27	NESCAFÉ <sup>®</sup> SMOOV <sup>®</sup> LATTE <sup>®</sup> 225ML																																																																																											
6	MILO <sup>®</sup> ORIGINAL TIN 240ML	28	NESCAFÉ <sup>®</sup> SMOOV <sup>®</sup> LATTE <sup>®</sup> CARAMEL 225ML																																																																																											
7	MILO <sup>®</sup> MOCHA TIN 240ML	29	NESCAFÉ <sup>®</sup> COLD BREW LATTE TIN 240ML																																																																																											
8	MILO <sup>®</sup> ICE TIN 240ML	30	NESCAFÉ <sup>®</sup> COLD BREW HAZELNUT TIN 240ML																																																																																											
9	MILO <sup>®</sup> KAW TIN 240ML	31	NESCAFÉ <sup>®</sup> LATTE INTENSO TIN 240ML																																																																																											
10	MILO <sup>®</sup> ORIGINAL PET 225ML	32	NESCAFÉ <sup>®</sup> MOCHA ORANGE TIN 240ML																																																																																											
11	MILO <sup>®</sup> PROTEIN UP 225ML	33	NESCAFÉ <sup>®</sup> MOCHA HAZELNUT TIN 240ML																																																																																											
12	MILO <sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND PET 225ML	34	NESCAFÉ <sup>®</sup> SMOOTH CAPPUCCINO CUP 250ML																																																																																											
13	MILO <sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND UHT 1L	35	NESCAFÉ <sup>®</sup> CARAMEL MACCHIATO CUP 250ML																																																																																											
14	NESCAFÉ <sup>®</sup> DAIRY FREE OAT LATTE PET 225ml	36	NESCAFÉ <sup>®</sup> ICED CAPPUCCINO 500ML																																																																																											
15	NESCAFÉ <sup>®</sup> DAIRY FREE ALMOND LATTE PET 225ml	37	NESTLÉ OMEGA PLUS 200ML																																																																																											
16	NESCAFÉ <sup>®</sup> AIS TIN 300ML	38	NESTLÉ OMEGA PLUS DARK CHOCOLATE 200ML																																																																																											
17	NESCAFÉ <sup>®</sup> IPOH WHITE COFFEE TIN 240ML	39	NESTLÉ JUST MILK FULL CREAM MILK 200ML																																																																																											
18	NESCAFÉ <sup>®</sup> ORIGINAL TIN 240ML	40	NESTLÉ JUST MILK FULL CREAM MILK 1L																																																																																											
19	NESCAFÉ <sup>®</sup> TARIK TIN 240ML	41	NESTLÉ JUST MILK LOW FAT MILK 1L																																																																																											
20	NESCAFÉ <sup>®</sup> TARIK KAW TIN 240ML	42	NESTLÉ JUST MILK STRAWBERRY FLAVOURED MILK 200ML																																																																																											
21	NESCAFÉ <sup>®</sup> TARIK KURANG MANIS TIN 240ML	43	NESTLÉ JUST MILK STRAWBERRY FLAVOURED MILK 1L																																																																																											
22	NESCAFÉ <sup>®</sup> LATTE TIN 240ML																																																																																													

	<p>7. Untuk setiap pembelian <b>Nilai Minimum</b> Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan dikira sebagai (1) satu penyertaan di mana satu (1) nombor bersiri akan diberikan secara automatik.</p> <p>8. Penyertaan di mana Pembelian melebihi <b>Nilai Minimum</b> dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan diberi nombor bersiri tambahan secara automatik berdasarkan setiap pemenuhan Nilai Minimum. Contoh :</p> <p>a) Bukti Pembelian dengan nilai pembelian Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) Produk NESTLÉ Sedia Untuk Diminum , dua (02) nombor bersiri akan diperuntukkan.</p> <p>b) Bukti Pembelian dengan nilai pembelian Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) Produk NESTLÉ Sedia Untuk Diminum , empat (04) nombor bersiri akan diperuntukkan.</p> <p>9. Pihak Penganjur tidak akan menerima sebarang perubahan pada Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian .</p> <p>10. Resit tulisan tangan akan diterima sebagai Bukti Pembelian. Resit tersebut harus mempunyai Nama Syarikat, Cap Rasmi Syarikat dan /atau logo peruncit di mana pembelian itu dibuat.</p> <p>11. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian asal (Salinan cetak) termasuk dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penebusan Hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan pembatalan kemenangan dan Hadiah.</p>
<p><b>Tarikh Akhir Penyertaan</b></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 28<sup>hb</sup> Jun 2021. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Untuk penyertaan Mingguan , penyertaan mesti diterima oleh Penganjur sebelum atau pada 23:59:59 hari terakhir seperti Jadual Peraduan di bawah.</p>
<p><b>Perincian Pengadilan</b></p>	<p><b>Pengesahan Penyertaan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Gambar jelas Bukti Pembelian yang menunjukkan Produk, Nombor resit, Tarikh pembelian, Nilai pembelian dan nama Cawangan atau Kedai.</li> <li>Kesahihan tarikh pembelian.</li> <li>Tiada perubahan dilakukan pada resit dalam apa cara; nama Cawangan atau Kedai, Barang belian, Harga dan Tarikh pembelian.</li> </ol> <p><b><u>Pemenang yang disenarai pendek</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Setelah Penyertaan disahkan, pemenang yang disenarai pendek akan dipilih berdasarkan kaedah pemilihan nombor siri dan akan dihubungi melalui WhatsApp dari nombor peraduan 018-213 3411 untuk menjawab satu Soalan Peraduan yang mudah :</li> </ol> <p>Tarikh tutup penyertaan <b>PERADUAN NESTLE TADAU KAAMATAN 2021</b> adalah pada 28hb Jun 2021. (Betul/Salah)</p>

	<p>Pemenang yang disenarai pendek mesti menjawab dan memberikan jawapan yang betul dalam jangka masa yang ditetapkan agar layak memenangi hadiah tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pembatalan hadiah tersebut. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua alasan.</p> <p>5. Setelah Penganjur menerima jawapan yang betul daripada pemenang yang disenarai pendek, Pemenang Layak untuk Hadiah Utama dan Hadiah Pertama Mingguan akan dihubungi melalui WhatsApp yang bernombor 018-213 3411 untuk pemberitahuan jawapan betul yang diberi dan juga untuk mendapatkan Nama Penuh (seperti di dalam rekod akaun bank) bersertakan alamat penghantaran hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Layak tidak dapat dihubungi atas apa jua alasan.</p>
<p><b>Hadiah</b></p>	<p><b><u>Jadual Peraduan</u></b>  Sebanyak 113 Penyertaan akan dipilih dalam <b>Tempoh Peraduan</b> mengikut jadual berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Minggu 1 : 03 Mei 2021 – 09 Mei 2021</li> <li><input type="checkbox"/> Minggu 2 : 10 Mei 2021 – 16 Mei 2021</li> <li><input type="checkbox"/> Minggu 3 : 17 Mei 2021 – 23 Mei 2021</li> <li><input type="checkbox"/> Minggu 4 : 24 Mei 2021 – 30 Mei 2021</li> <li><input type="checkbox"/> Minggu 5 : 31 Mei 2021 – 06 Jun 2021</li> <li><input type="checkbox"/> Minggu 6 : 07 Jun 2021 – 13 Jun 2021</li> <li><input type="checkbox"/> Minggu 7 : 14 Jun 2021 – 20 Jun 2021</li> <li><input type="checkbox"/> Minggu 8 : 21 Jun 2021 – 28 Jun 2021</li> </ul> <p><b><u>Hadiah</u></b></p> <p><b>Hadiah Utama : 1 x RM10,000 Hadiah Wang Tunai</b>  <b>Hadiah Pertama Mingguan : 2 x RM1,000 Hadiah Wang Tunai</b>  (2 Pemenang Mingguan X 8 Minggu : 16 Pemenang)  <b>Hadiah Saguhati Mingguan : 12 x Pin Tambah Nilai Touch’N Go bernilai RM50</b>  (12 Pemenang Mingguan X 8 Minggu : 96 Pemenang)</p> <p>Senarai nama pemenang juga akan diumumkan di laman sesawang Penganjur di <a href="https://www.dearnestle.com.my/peraduan-rtd-kaamatan">https://www.dearnestle.com.my/peraduan-rtd-kaamatan</a> dan di laman media social rasmi Penganjur ; <a href="https://www.facebook.com/dearnestle/">https://www.facebook.com/dearnestle/</a></p> <p>Setiap peserta layak memenangi maksimum dua (2) hadiah sahaja:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 x Hadiah Saguhati Mingguan dan 1 x Hadiah Utama , <b>ATAU</b></li> <li>• 1 x Hadiah Pertama Mingguan dan 1 x Hadiah Utama</li> </ul> <p><b><u>KAEDAH PEMILIHAN PEMENANG DISENARAI PENDEK:</u></b></p> <p><b>Hadiah Utama – 1 x RM10,000 Hadiah Wang Tunai</b>  Terdapat satu [1] RM10,000 Hadiah Wang Tunai untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p>

Pemenang akan dipilih; jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang tempoh Peraduan (contoh; 25,500 nombor siri )  $\div 2 =$  nombor siri penyertaan yang menang , sebagai contoh ;

$$= 25,500 \div 2 = \underline{12750^*}$$

(Nombor penggandaan dalam kes ini ialah **12750** )

Seramai Satu (1) Penyertaan Layak yang akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Utama – contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 12750\*.

Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan mingguan penyertaan timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat.

#### **Hadiah Pertama Mingguan : 2 x RM1,000 Hadiah Wang Tunai**

Terdapat enam belas [16] RM1,000 Hadiah Wang Tunai untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Pemenang akan dipilih; jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk setiap tempoh Minggu Peraduan (contoh; 1200 nombor siri )  $\div 2 =$  nombor siri penyertaan yang menang , sebagai contoh ;

$$1200 \text{ penyertaan mingguan} \div 2 = \text{nombor siri penyertaan yang menang}$$

$$= 1200 \div 2 = \underline{600^*}$$

(Nombor penggandaan dalam kes ini ialah **600** )

Pemenang Hadiah Pertama Mingguan yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-600 dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 600.

Seramai dua (2) Penyertaan Layak yang akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Pertama Mingguan – contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 600\* dan 1200\*.

Seramai **2 PEMENANG** akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan mingguan penyertaan timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat.

#### **Hadiah Saguhati Mingguan : 12 x Pin Tambah Nilai Touch’N Go bernilai RM50**

Terdapat sembilan puluh enam [96] Pin Tambah Nilai Touch’N Go bernilai RM50 untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Pemenang akan dipilih; jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk setiap tempoh Minggu Peraduan (contoh; 1200 nombor siri – Penyertaan Pemenang Hadiah Pertama)  $\div 12 =$  nombor siri penyertaan yang menang ,sebagai contoh ;

$$1200 - (\text{seandainya terdapat } 22^* \text{ penyertaan dari Pemenang Hadiah Pertama Mingguan}) / 12 = \underline{98.1^*}$$

(Nombor penggandaan dalam kes ini ialah **98** )

Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-98 dan dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 98.

	<p>Seramai dua belas (12) Penyertaan Layak yang akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Saguhati Mingguan untuk setiap Minggu Peraduan – contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; <b>98*</b>,196*, 294*, 392*, 490*, 588* dan seterusnya.</p> <p>Seramai <b>12 PEMENANG</b> akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.</p> <p>Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan mingguan penyertaan timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat.</p> <p>Penganjur akan menghubungi semua pemenang yang disenarai pendek menerusi nombor yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap pemenang yang disenarai pendek akan diberikan satu Soalan Peraduan yang mudah untuk dijawab. Pemenang perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah.</p>
<p><b>Tarikh Tuntutan/ Serahan Hadiah</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hadiah Utama dan Hadiah Pertama Mingguan akan diberikan dalam bentuk Cek dan akan diproses untuk penghantaran kepada pemenang dalam tempoh enam (6) hingga (8) minggu dari akhir Tempoh Peraduan ; 28hb Jun 2021.</li> <li>2. Hadiah Saguhati Mingguan Pin Tambah Nilai Touch’N Go bernilai RM50 akan diproses untuk dihantar kepada pemenang melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh enam (6) hingga (8) minggu dari akhir Tempoh Peraduan. Penggunaan Pin Tambah Nilai Touch’N Go adalah tertakluk kepada Terma &amp; Syarat Touch’N Go Malaysia ; <a href="https://cdn-web.tngdigital.com.my/pdf/User-TC-updated-oct20.pdf">https://cdn-web.tngdigital.com.my/pdf/User-TC-updated-oct20.pdf</a></li> <li>3. Pihak Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.</li> </ol>

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/peraduan-rtd-kaamatan>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

## B. Syarat-syarat Penyertaan

### 1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta

bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

## **2. Penyertaan Peraduan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

## **5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## **6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.



## **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai peraduan **PERADUAN NESTLÉ TADAU KAAMATAN 2021**, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice) .
- 12.2 By participating in the **“PERADUAN NESTLÉ TADAU KAAMATAN 2021” Contest** , the Participant agrees to the processing of the Participant’s Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice)